

Pusat Latihan Koperasi No.  di Malaysia

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA
MAJLIS KONVOKESYEN KE-16

DIPERJANJIKAN OLEH:

YB DATO' SRI HAIL SURI BAKAKOB

(BERDAGANGAN NEGERI KUALA LUMPUR (KPDNKK))

APRIL



Majlis Konvokesyen Ke-16

muka surat 04

Pertukaran MoA
MKM-OUM



muka surat 06

Program
TUKAR
Coop-Mart

muka surat 10

Lawatan Delegasi
Dari Indian Farmers
Fertiliser Cooperative
Limited (IFFCO)



muka surat 12



muka surat 14

Eksklusif

- 04 Majlis Konvokesyen Ke-16 MKM
- 06 Majlis Pertukaran MoA MKM-OUM & Perasmian Dewan Abdul Aziz Ishak MKM
- 10 Program Tukar "Coop Mart" Pasar Mini Koperasi Kakitangan MKM Berhad

Pelawat

- 12 Lawatan Sambil Belajar Koperasi SMK Bandar Kota Tinggi Berhad
- 12 Lawatan Delegasi Dari *Indian Farmers Fertiliser Cooperative Limited (IFFCO)*
- 13 Lawatan Delegasi Dari *Singapore National Cooperative Federation (SNCF)*

Fokus

- 14 Seminar Antarabangsa *Cooperative Enterprises Build A Better World*
- 17 Seminar "Kawalan Dalaman Pemacu Integriti Koperasi"

Perspektif

- 18 Bicara Eksekutif : Halalan Toyyiba Koperasi & IMP
- 20 Bicara Eksekutif : Peluang Perniagaan Dalam Telekomunikasi Dan Taklimat Program Latihan MKM 2012
- 22 Bengkel Rancangan Perniagaan Gabungan Koperasi Asas Tani

Berita Kakitangan

- 23 Kempen Derma Darah
- 24 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MKM 2011
- 26 Bengkel Perancangan Strategik 2012-2016



Berita Cawangan & Wilayah

- 27 Festival Koperasi Zon Selatan 2012

Buletin Pelajar

- 28 Kem Motivasi Pelajar Diploma Pengurusan Koperasi
- 30 Program Anak Angkat Bersama Langkawian



- 32 Program Selami Alam Kita

Galeri

- 34 Koleksi Gambar

Lampiran

- 42 Kalendar Kursus MKM Petaling Jaya
- 43 Kalendar Kursus MKM Cawangan Sabah
- 44 Kalendar Kursus MKM Cawangan Sarawak
- 44 Kalendar Kursus MKM Cawangan Timur
- 45 Kalendar Kursus MKM Cawangan Utara
- 45 Kalendar Kursus MKM Cawangan Selatan

SIDANG EDITORIAL



PENASIHAT

Tn. Hj. Idris Ismail
Ketua Pengarah

KETUA EDITOR

Pn. Julia Bee Ramjan
Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan

EDITOR

Cik Wani Syahira Abd. Wahid
Pegawai Penerangan

WAKIL PUSAT & UNIT

Pn. Ayu Diana Awang
Pusat Antarabangsa & Pendidikan Tinggi
(Antarabangsa)

En. Mohd Fathullah Mohd Aznam
Pusat Keusahawanan Koperasi &
Peruncitan (ReCEnt)

Pn. Rohalinda Ahad
Pusat Pentadbiran, Perundangan &
Kepimpinan Koperasi (CALL)

Pn. Juliana Md Yusof
Pusat Perakaunan & Kewangan (ACTIF)

Pn. Sharifah Shuzaida Saedin
Pusat Konsultasi Koperasi
(KONSULTASI)

Pn. Noor Shafeeza Zainuddin
Pengurusan Penyelidikan & Inovasi
(R&I)

Pn. Hamidah Mohd Jos
Unit Sumber Manusia (USM)

Pn. Afiza Abd Karim
Unit Komunikasi Korporat & Tadbiran
Akademik (UKKTA)

**Pn. Sharepah Nur Azirah Shareh
Abd Rahman**

JURUFOTO

En. Mohd Norhisyam Md Daud

Dari Meja

Ketua Editor

Assalamualaikum, Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan Salam Koperasi.

Permulaan tahun 2012 menyaksikan kesungguhan warga MKM untuk memartabatkan institusi ini sebagai institusi pendidikan koperasi bertaraf dunia. Ini dapat dilihat dengan penganjuran beberapa majlis rasmi yang mendapat maklumbalas positif dari pelbagai pihak. Secara tidak langsung ianya mampu meningkatkan imej MKM dikalangan masyarakat terutamanya anggota koperasi.

Melalui keluaran Info kali ini meninjau kemeriahan sambutan Majlis Konvokesyen Ke-16 yang telah diadakan pada 26 April 2012 bertempat di Hotel Crystal Crown. Majlis bersejarah bagi 108 para graduan Diploma Pengurusan Koperasi dan Sijil Pengurusan Koperasi yang diraikan ini telah disempurnakan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob. Pada tahun ini, Anugerah Graduan terbaik bagi program Diploma Pengurusan Koperasi ialah Cik Fifi Ayuni bt Idris yang mendapat CGPA 3.7.

Bersempena dengan Tahun Koperasi Antarabangsa (IYC) 2012, MKM tidak ketinggalan dalam menganjurkan Seminar Antarabangsa bertemakan "Cooperative Enterprises Build a Better World". Seminar yang diadakan di Hotel Grand Dorsett, Subang ini berjaya menarik penyertaan anggota koperasi dari dalam dan luar Negara. Penceramahan telah dipilih dari koperasi yang berjaya untuk berkongsi strategi serta pengalaman dalam menerajui sesebuah koperasi. Ulasan penuh berkaitan IYC ini dapat dilihat dalam segmen Fokus.

Bagi segmen Perspektif pula, Pusat Keusahawanan Koperasi dan Peruncitan (ReCEnt) telah menganjurkan pelbagai bengkel pada tahun ini. Antaranya, Bicara Eksekutif: Peluang Perniagaan Dalam Telekomunikasi & Taklimat Program Latihan MKM 2012 serta Bengkel Rancangan Perniagaan Gabungan Koperasi Asas Tani. Pendekatan yang dilakukan oleh MKM mampu menarik ahli koperasi untuk mendalami lagi ilmu perniagaan yang boleh diterokai.

Saban tahun, MKM berbesar hati menerima pelawat serta delegasi yang ingin mengadakan lawatan kerja ke MKM dalam usaha meningkatkan pengetahuan serta menjalin kerjasama antara kedua belah pihak. Pada tahun ini, MKM telah menerima kunjungan hormat dari *Indian Farmers Fertiliser Cooperative Limited (IFFCO)* dan lawatan dari *Singapore National Cooperative Federation (SNCF)* bertujuan untuk melengkapkan jelajah promosi seminar antarabangsa IYC.

Sebagai penutup kata, MKM turut menyokong Sambutan Hari Koperasi Negara yang bertemakan "Koperasi Membina Kesejahteraan Sejagat" bertujuan mengiktiraf potensi, peranan dan sumbangan koperasi terhadap penjanaaan ekonomi rakyat.

Selamat Menyambut Hari Koperasi Negara 2012.

Sekian. Salam Koperasi.

Julia Bee Ramjan



MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

MKM

MAJLIS

KONVOKESYEN

KE-16

“...seramai 11 orang graduan telah terpilih sebagai penerima graduan terbaik dan cemerlang.”



Ucapan perasmian oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri PDNKK

Maktab Koperasi Malaysia (MKM), salah sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), telah mengadakan Majlis Konvokesyen ke-16 pada 26 April 2012 yang telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Majlis Konvokesyen kali ke-16 ini bertujuan untuk meraikan para pelajar Maktab Koperasi Malaysia kerana berjaya menamatkan pengajian mereka. Pada tahun ini, seramai 108 graduan telah menerima Diploma Pengurusan Koperasi (DPK) dan 37 orang telah menerima Sijil Pengurusan Koperasi (SPK). Majlis ini telah diadakan di Hotel Crystal Crown, Petaling Jaya, Selangor.



Ucapan atuan oleh YBhg. Tn. Hj. Idris bin Ismail, Ketua Pengarah MKM





Antara graduan Diploma Pengurusan Koperasi

Pada majlis tersebut, seramai 11 orang graduan telah terpilih sebagai penerima graduan terbaik dan cemerlang. Bagi graduan Diploma Pengurusan Koperasi (DPK), penganugerahan Graduan Terbaik telah dianugerahkan kepada Fifi Ayuni binti Idris dengan memperoleh Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 3.70 dan penganugerahan Graduan Cemerlang diberikan kepada Rosiah binti Rasidi dengan memperoleh Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 3.53.

Di samping itu, penganugerahan yang sama turut diberikan kepada graduan Sijil Pengurusan Koperasi (SPK) dari MKM Cawangan Sabah dan Sarawak. Penganugerahan Graduan Terbaik SPK disandang oleh

Humairah binti Razali, pelajar sesi Julai 2010 dari MKM Cawangan Sarawak dengan memperoleh PNGK 3.89. Manakala Graduan Cemerlang diberikan kepada Nur-Fadzalina binti Salleh dengan memperoleh PNGK 3.69, Dayang Normasni binti Abang Julaihi - PNGK 3.64, Siti Nur Aisyah binti Mohamad Hajini - PNGK 3.58, Haslindawaty binti Sinen - PNGK 3.56, Norisa binti Mohamad Sahari - PNGK 3.56 dan Jackery Anak Jimok - PNGK 3.64, di mana kesemua graduan tersebut adalah dari MKM Cawangan Sarawak. Sementara Graduan Cemerlang SPK dianugerahkan juga kepada pelajar MKM Cawangan Sabah iaitu Evy Nonita Anggus dengan memperoleh PNGK 3.55 dan Nur Raida Aisyah Rope memperoleh PNGK 3.52.-Zubaidah



Tahniah diucapkan kepada semua graduan Diploma Pengurusan Koperasi

MAJLIS PERTUKARAN MoA MKM-OUM & PERASMIAN DEWAN ABDUL AZIZ ISHAK MKM



YB Menteri PDNKK menyempurnakan majlis perasmian

Bertempat di Ibu Pejabat Maktab Koperasi Malaysia Petaling Jaya, telah diadakan Majlis Pertukaran MoA MKM-OUM dan Perasmian Dewan Abdul Aziz Ishak. Majlis tersebut berlangsung pada 19 April 2012 yang telah dirasmikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK) YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob. Seramai hampir 600 orang berkumpul di Ibu Pejabat MKM Petaling Jaya untuk meraikan majlis tersebut.

MKM telah mengorak selangkah ke hadapan sebagai peneraju bidang latihan dan pendidikan koperasi dengan termeterainya Majlis Pertukaran Moa MKM-OUM. Program ini adalah usaha MKM dalam menyokong Gerakan Transformasi Kerajaan dengan mewujudkan pengajian ijazah secara dalam talian (e-pjj). *Memorandum of Agreement (MoA)* diadakan antara Maktab Koperasi Malaysia dan Open University Malaysia (OUM) bagi mengendalikan Program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan Dengan Kepujian Pengkhususan Pengurusan Koperasi secara e-PJJ. Ini adalah inisiatif MKM



Sejarah penglibatan Allahyarham sepanjang menjadi Menteri Koperasi



Beramah mesra dengan keluarga Allahyarham Abdul Aziz Ishak

untuk memberi peluang kepada mereka yang bekerja terutamanya dalam gerakan koperasi untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Sebelum ini, MKM telah melaksanakan program Diploma dan Ijazah secara sepenuh masa mulai tahun 1991 dan 2008. MKM juga telah memperkenalkan Diploma secara e-pembelajaran atas talian pada September 2011 iaitu Diploma Profesional Pengauditan Koperasi kerjasama antara MKM-ICMA.

Memetik ucapan YB. Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob yang menyatakan Agenda Teknologi Maklumat Kebangsaan atau NITA telah dilancarkan pada 1996 oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menjadi Perdana Menteri pada ketika itu. Inisiatif NITA memperkenalkan pembangunan Koridor Raya Multimedia atau MSC, di mana e-pembelajaran adalah salah satu daripada tujuh *flagship* yang diberi perhatian. Sejak itu, semua institusi pengajian di negara kita telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan program pembelajaran cara baru ini. Dengan ini dapat dilihat bahawa MKM berada di landasan yang tepat untuk mengendalikan program ini.



YB Menteri PDNKK merasmikan Dewan Abdul Aziz Ishak



Tanda penghargaan kepada keluarga Allahyarham Abdul Aziz Ishak

“Objektif penganjuran program ini adalah untuk mewujudkan peluang pembelajaran dengan mod pembelajaran yang lebih fleksibel berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi.”



Bergambar kenangan bersama keluarga Allahyarham Abdul Aziz Ishak

“...program yang dijalankan ini adalah berasaskan mod e-pembelajaran dan kaedah pembelajaran “blended learning””

Seiring dengan perkembangan teknologi maklumat sekarang, program yang dijalankan ini adalah berasaskan mod e-pembelajaran dan kaedah pembelajaran “blended learning”. Ini akan membuka peluang untuk para peserta khususnya dari gerakan koperasi belajar dengan lebih mudah.

Objektif penganjuran program ini adalah untuk mewujudkan peluang pembelajaran dengan mod pembelajaran yang lebih fleksibel berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi. Selain itu, objektif program ini juga ialah untuk melahirkan graduan yang memiliki pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pentadbiran perniagaan khususnya pengurusan koperasi bagi



Ucapan perasmian oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob



Sesi pertukaran MoA diantara MKM dan OUM sambil disaksikan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri PDNKK



Ketibaan YB Menteri PDNKK



Ucapan oleh Profesor Emeritus Tan Sri Anuwar bin Ali, Presiden OUM

“Penganjuran program ini juga bertujuan untuk menambah peluang pendidikan ke peringkat Ijazah dalam bidang pentadbiran perniagaan khususnya pengurusan koperasi kepada peserta dalam dan luar negara.”

memenuhi keperluan tenaga kerja dalam bidang berkenaan. Penganjuran program ini juga bertujuan untuk menambah peluang pendidikan ke peringkat Ijazah dalam bidang pentadbiran perniagaan khususnya pengurusan koperasi kepada peserta dalam dan luar negara. Membekalkan tenaga mahir yang terlatih dalam bidang pengurusan koperasi bagi memantapkan lagi pengurusan dan perniagaan koperasi merupakan objektif program ini juga.

Selain itu, turut diadakan majlis perasmian nama dewan baru iaitu Dewan Rochdale ditukar kepada Dewan Abdul Aziz Ishak. Pemilihan nama tersebut bersempena untuk memperingati serta menghargai Menteri Koperasi Pertama iaitu YB Encik Abdul Aziz Ishak, Menteri Pertanian dan Koperasi. Turut serta dalam majlis ini ialah ahli keluarga Almarhum Abdul Aziz Ishak untuk bersama-sama merasmikan dewan baru tersebut. -Mohd Khairul Abdul Rasid



Bergambar kenangan bersama penerima Anugerah Pelajar Cemerlang DPK dan BBA



PROGRAM TUKAR



PASAR MINI KOPERASI KAKITANGAN MKM BHD

Pada 19 April 2012 – Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, YB. Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob telah merasmikan "COOP Mart" milik Koperasi Kakitangan MKM Bhd. iaitu Program TUKAR Kedai Runcit anjuran Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Projek Transformasi Kedai Runcit atau TUKAR merupakan salah satu daripada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) bertujuan untuk memodenkan kedai runcit tradisional bagi meningkatkan tahap daya saing dalam persekitaran perniagaan peruncitan yang kompetitif. Felda Trading Sdn. Bhd (FTSB) berperanan sebagai konsultan bagi pelaksanaan projek TUKAR. FTSB akan membantu peruncit-peruncit tradisional melalui khidmat nasihat pemodenan, penyediaan planogram, latihan peruncitan bersama MKM dan sebagainya. Manakala, SKM pula akan memberi tumpuan untuk membantu menaik taraf kedai runcit diusahakan koperasi terutama di sekitar kawasan luar bandar menerusi peruntukan RM20 juta dengan setiap premis memperoleh bantuan kewangan antara RM20,000 hingga RM60,000. Usaha ini merupakan inisiatif agensi-agensi untuk membangunkan sektor pemborongan dan peruncitan tempatan.

Objektif program ini adalah untuk memberi peluang kepada koperasi dan peniaga runcit yang lain untuk bergiat aktif dalam peruncitan moden, memberi pendedahan kepada koperasi pemilik kedai runcit mengenai selok-belok perniagaan dan mengaplikasikan kaedah pengurusan dan operasi yang teratur dan sistematik juga membentuk keseragaman jenama, susun atur produk, sistem yang berintegrasi dan pemilihan produk yang sesuai. Program TUKAR akan membantu menaiktarafkan kedai runcit sedia ada kepada yang lebih moden dan seragam. TUKAR bermakna bukan sahaja dari segi susun atur, malah sistem pengurusan akaun dan membentuk tingkah laku





Tn. Hj. Yusof Abdul Rahman (kiri) menyampaikan Watikah Pelantikan kepada Pn. Julia Bee Ramjan (kanan) sebagai rakan dagang untuk kad Coop Bank Rakyat

yang lebih profesional dalam menguruskan kedai dan sebagainya. Terdapat empat strategi yang dilaksanakan di dalam program ini termasuklah memodenkan dan menaik taraf premis peruncit tradisional sedia ada, menggalakkan penyertaan koperasi dalam bidang peruncitan dan mewujudkan pusat pengedaran setempat. Menurut SKM, sejumlah 500 kedai runcit tradisional milik koperasi yang dikenal pasti di seluruh negara akan dimodenkan menerusi pelaksanaan TUKAR dan bilangannya akan bertambah menjadi 5,000 menjelang 2020.

Menurut FTSB, terdapat 30 jenis produk berjenama 'coop 1Malaysia'; dengan kadar harga jauh lebih murah dijual di 'COOP Mart'. Produk di bawah program 'COOP 1Malaysia' berharga 30 hingga 40 peratus lebih rendah berbanding harga produk yang sama di pasaran dan antara produk yang ditawarkan termasuk barangan keperluan harian seperti sos cili, garam, sardin, biskut, teh, kopi, milo dan serbuk pencuci. Semua produk 'COOP 1Malaysia' menawarkan harga jauh lebih rendah supaya pengguna dapat menikmati produk yang lebih murah, mengekalkan kualiti dan rasa yang sama. Pada perasmian ini juga Koop MKM Bhd. telah dianugerahkan Watikah Pelantikan sebagai rakan dagang untuk kad COOP Bank Rakyat yang telah disampaikan oleh Tn. Hj. Yusof Abdul Rahman, Pengurus Besar Kanan, Perkhidmatan Korporat Bank Rakyat kepada Pengerusi Koop MKM Bhd. Pn. Julia Bee Ramjan dan turut disaksikan oleh YB. Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Menteri PDNKK.

Penubuhan asal Pasar Mini Koperasi Kakitangan MKM Bhd. bertujuan membekalkan barangan keperluan dan memberi perkhidmatan kepada anggota, peserta kursus di MKM dan masyarakat di sekitar Petaling Jaya. Dengan program Tukar ini diharap dapat meningkatkan lagi keuntungan bagi menambahkan pendapatan setiap anggota koperasi. Sebelum ini, kedudukan barangan dalam pasar mini sering dalam keadaan tidak tersusun hingga menyukarkan penjual mencari barangan yang mahu dibeli pengguna, malah situasi itu menyebabkan stok barangan rosak kerana tidak disimpan dengan baik. Bagaimanapun, menerusi program ini, pasar mini akan melalui proses transformasi apabila susun atur lebih sistematik, pengurusan akaun dan barangan lebih baik, selain latihan kepada kakitangannya dari semasa ke semasa. - Norhayati

“**Program TUKAR akan membantu menaiktarafkan kedai runcit sedia ada kepada yang lebih moden dan seragam.**”

LAWATAN SAMBIL BELAJAR KOPERASI SMK BANDAR KOTA TINGGI BERHAD

Pada 6 Jun 2012, Koperasi SMK Bandar Kota Tinggi Berhad telah mengadakan lawatan sambil belajar ke MKM bertujuan untuk memberi pendedahan serta memperkenalkan peranan dan fungsi MKM kepada pelajar-pelajar yang merupakan Ahli Koperasi SMK Bandar Kota Tinggi Berhad.

Peserta rombongan yang hadir adalah seramai 30 orang pelajar diiringi 6 orang guru. Pn. Norhayati Hashim yang merupakan pengurus Koperasi tersebut adalah individu yang bertanggungjawab membawa ahli koperasi menimba ilmu serta meluaskan pengetahuan berkaitan koperasi dengan mengadakan lawatan ini.

MKM yang diwakili oleh Tn. Hj Ramlan bin Kamsin selaku Pengarah Pusat Antarabangsa dan Pendidikan Tinggi (Antarabangsa) telah memberi taklimat berkaitan MKM amnya serta kursus jangka panjang. Program selama setengah hari ini, telah membuka minda guru serta pelajar tentang peranan serta fungsi MKM. Rombongan juga turut dibawa melawat kemudahan yang terdapat di MKM ini antaranya perpustakaan MKM dan Coop Mart MKM. -Wani Syahira



Ahli Koperasi SMK Bandar Kota Tinggi Berhad semasa lawatan sambil belajar ke MKM



Antara peserta delegasi yang terlibat dalam lawatan ini



Sesi pemberian cenderamata dari IFFCO kepada MKM



Delegasi IFFCO bergambar kenangan bersama Pn. Julia Bee Ramjan dan Tn. Hj. Ramlan Kamsin

LAWATAN DELEGASI DARI INDIAN FARMERS FERTILISER COOPERATIVE LIMITED (IFFCO)

Maktab Koperasi Malaysia (MKM) telah menerima kunjungan hormat dari *Indian Farmers Fertiliser Cooperative Limited (IFFCO)* pada 17 April 2012. IFFCO merupakan antara koperasi yang berjaya di India yang membekalkan keperluan baja kepada petani di sana.

Seramai 20 orang peserta delegasi telah tiba di MKM dan disambut oleh Pn. Julia Bee Ramjan selaku Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) mewakili MKM untuk memberi penerangan serta taklimat berkaitan MKM kepada para delegasi.

Delegasi telah dipertontonkan dengan tayangan video korporat MKM untuk memperlihatkan dengan lebih jelas aktiviti yang dijalankan oleh MKM. Pelbagai persoalan telah diajukan dan dibincangkan sepanjang taklimat berlangsung. Untuk melengkapkan aktiviti lawatan, peserta delegasi telah dibawa melawat ke sekitar MKM untuk melihat kemudahan yang terdapat di sini.

-Wani Syahira



Delegasi dari SNCF bergambar kenangan bersama warga kerja MKM



Mdm. Dolly Goh (CEO SNCF) bersama Pn. Norwatim bt. Abd. Latiff (TKPA MKM)

LAWATAN DELEGASI DARI SINGAPORE NATIONAL COOPERATIVE FEDERATION (SNCF)

Bersempena dengan Tahun Koperasi Antarabangsa (*International Year of Cooperative : IYC*) satu lawatan delegasi dari *Singapore National Cooperative Federation (SNCF)* telah diadakan di MKM. Lawatan pada 15 Mac 2012 ini adalah untuk melengkapkan jelajah promosi seminar antarabangsa yang akan diadakan pada penghujung tahun ini di Singapura anjuran SNCF.



Sesi pertukaran cenderahati dari Mdm. Dolly Goh kepada Pn. Norwatim bt. Abd. Latiff

Pn. Norwatim binti Abd Latiff selaku Timbalan Ketua Pengarah (Akademik) telah sudi meluangkan masa untuk mempengerusikan serta memberi taklimat berkaitan MKM kepada peserta Delegasi. SNCF yang diketuai oleh CEO, Mdm. Dolly Goh, diberi tanggungjawab untuk memeri penerangan berkaitan aktiviti serta jadual promosi yang sedang mereka jalankan bersempena dengan seminar IYC di Singapura nanti.

Sebelum lawatan berakhir, Mdm. Dolly Goh telah menyerahkan 'badge' simbol IYC Singapore kepada Pn. Norwatim sebagai tanda menghargai kesudian MKM menerima kunjungan hormat ini. -Wani Syahira



Sesi pendaftaran peserta seminar



Ucapan aluan oleh Tn. Hj. Idris Ismail selaku KP MKM



Dr. Peter Davis (kiri) dan Mr. Andrew Seddon (kanan)



Para peserta seminar sedang tekun mendengar taklimat

SEMINAR ANTARABANGSA

COOPERATIVE ENTERPRISES BUILD A BETTER WORLD



Barisan pembentang yang turut menjayakan seminar

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) semasa Persidangan Agungnya yang ke-64 pada 18 Disember 2009 telah mengisytiharkan tahun 2012 sebagai Tahun Koperasi Antarabangsa (*International Year Cooperative - IYC*). Pengisytiharan ini jelas membuktikan bahawa badan dunia utama seperti PBB telah mengiktiraf peranan gerakan koperasi kepada masyarakat dunia secara amnya. Resolusi PBB yang bertajuk "Koperasi Pembangunan Sosial" mengakui koperasi mampu meningkatkan taraf kehidupan di samping membawa kesejahteraan kepada rakyat. Sumbangan gerakan koperasi ke arah pembangunan sosioekonomi, mengurangkan kemiskinan, mewujudkan peluang pekerjaan dan integrasi sosial sememangnya tidak dapat dinafikan. Ini juga bertujuan untuk memberi penjelasan kepada kerajaan agar mengambil langkah-langkah positif untuk mewujudkan lagi persekitaran yang menyokong pembangunan gerakan koperasi.

Bagi menyokong sambutan IYC ini, Malaysia telah melancarkan secara rasmi Sambutan Tahun Koperasi Antarabangsa 2012 pada 26 November 2011 di Taman Tasik Permaisuri, Cheras. Perasmian tersebut telah dilancarkan oleh Y.B. Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK). Untuk menyemarakkan lagi sambutan IYC 2012, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) dengan kerjasama Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) telah menganjurkan Seminar Antarabangsa "Cooperative Enterprises Build A Better World" untuk para koperator dalam dan luar negara.



Peserta seminar dari luar negara bergambar kenangan bersama YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob dan tetamu kehormat yang hadir



Peserta seminar bergambar kenangan semasa menghadiri makan malam tajaan Bank Rakyat di Cruise Tasik Putrajaya

Seminar Antarabangsa ini dianjurkan bagi membincangkan isu-isu sekeliling gerakan koperasi seperti peranan koperasi, keanggotaan, cabaran dan peluang koperasi dalam pasaran baru pada masa akan datang. Ini juga merupakan inisiatif bersama untuk berkongsi aspirasi, mewujudkan inovasi dan idea yang boleh membina dunia pada masa akan datang dengan lebih baik.

Seminar Antarabangsa ini telah berjaya menarik penyertaan sejumlah 35 orang peserta antarabangsa yang terdiri dari negara Thailand, Indonesia, Bangladesh dan Singapura manakala 269 lagi merupakan peserta tempatan yang terdiri dari para koperator dan kakitangan agensi di bawah KPDKKK.

Seminar ini telah menjemput tujuh (7) pembentang kertas kerja yang sememang terlibat secara langsung dalam gerakan koperasi. Pemilihan pembentang kertas kerja ini adalah berdasarkan pengalaman mereka sama ada dari segi kemahiran dan pengetahuan dalam memajukan gerakan koperasi. Mereka adalah:

| NO | NAMA | TAJUK KERTAS KERJA | NEGARA |
|----|--|--|----------------|
| 1. | Dr. Daman Prakash Senior Consultant IFFCO Foundation | Strengthening Cooperative Through Member Participation | India |
| 2. | Mr. Mikel Lezamiz Bilbao Head of Corporate Dissemination Mondragón Cooperative Humanity At Work | Workers Cooperative: Mondragon Experience | Spain |
| 3. | Mr. Andrew Seddon National Democratic Services Manager The Co-operative Group | Membership and Democracy: Adding Value in The Co-operative Group | United Kingdom |
| 4. | Drs. H.A. Wiherno Susanto Puskud Jatim | Sharing of Experiences on Health Cooperative: Future Prospect For Cooperative Business | Indonesia |
| 5. | Dr. Mohd. Shuhaizam Mohd. Zain Koperasi Putri Terbilang Malaysia Bhd | Sharing of Experiences on Health Cooperative: Future Prospect For Cooperative Business | Malaysia |
| 6. | Dr. Peter Davis Director of the Unit for Membership Based Organisations, University of Leicester | Building a Better world. Global Challenges and Strategic Issues for Co-operatives | United Kingdom |
| 7. | Mohamad Sabri Mohamed Nor Managing Director Rakyat Management Services Sdn.Bhd | Ar-Rahnu (Islamic PawnSystem): An Alternative of Microfinancing | Malaysia |



Mr. Andrew Seddon turut diundang ke pentas untuk menari tarian kebudayaan masyarakat Malaysia



Persembahan kebudayaan



Penganjuran seminar ini telah berjaya memaparkan kejayaan koperasi dalam mengurus ekonomi disamping menjadi panduan kepada koperasi lain untuk berjaya serta menyebarkan maklumat dan kesedaran kepada orang ramai tentang sumbangan koperasi kepada pembangunan sosial dan pemangkin pertumbuhan ekonomi. - *Asha'ari*

Pengambilan
JANUARI- MEI-
-SEPTEMBER-
Setiap Tahun



OPEN UNIVERSITY
MALAYSIA

Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan Pengkhususan Pengurusan Koperasi MKM-OUM

► OBJEKTIF PROGRAM

- Mewujudkan peluang pembelajaran dengan mod pembelajaran yang lebih fleksibel berbantuan teknologi maklumat dan komunikasi.
- Melahirkan graduan yang memiliki pengetahuan dan kemahiran dalam aspek pentadbiran perniagaan khususnya pengurusan koperasi bagi memenuhi keperluan tenaga kerja dalam bidang berkenaan.
- Menambah peluang pendidikan ke peringkat Ijazah dalam bidang pentadbiran perniagaan khususnya pengurusan koperasi kepada peserta dalam dan luar negara.
- Membekalkan tenaga mahir yang terlatih dalam bidang pengurusan koperasi bagi memantapkan lagi pengurusan dan perniagaan koperasi.

► KUMPULAN SASARAN

Terbuka kepada Koperator, kakitangan koperasi, pegawai kerajaan yang mengawal selia koperasi yang bekerja dan tidak mempunyai masa untuk melanjutkan pelajaran secara sepenuh masa. Di samping itu program ini juga terbuka kepada masyarakat umum yang berminat untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang koperasi.

► KOS PENGAJIAN 4 TAHUN ATAU 12 SEMESTER

| PERKARA | KADAR YURAN (RM) |
|---|------------------|
| Yuran Per Jam Kredit | 207.00 |
| Yuran Pengajian 40 Subjek atau 120 Jam Kredit | 24,840.00 |
| Diskaun 20% untuk peserta dari gerakan koperasi | 4,968.00 |
| Jumlah Keseluruhan Pengajian Selepas Diskaun | 19,872.00 |

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi borang permohonan secara online yang boleh diperolehi di laman sesawang www.mkm.edu.my atau www.oum.edu.my. Isi borang sebagaimana yang dikehendaki. Simpan borang tersebut dalam format fail PDF untuk salinan dan e-mel kepada antarabangsa@mkm.edu.my

MAKLUMAT LANJUT

Urus setia BBA E-PJJ (MKM-OUM),
Pusat Antarabangsa & Pendidikan Tinggi,
Maktab Koperasi Malaysia
No. 21 Jalan Selangor, Seksyen 6,
46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel: +603-7952 4500 Faks: +603-7955 0863
Web: www.mkm.edu.my

► JANGKA MASA PENGAJIAN

Program e-PJJ ini menggunakan sistem trimester (3 semester untuk 1 tahun akademik) yang memerlukan pelajar untuk sekurang-kurangnya menjalani pengajian selama 4 tahun atau bersamaan 12 semester.

► KELAYAKAN KEMASUKAN AM

Syarat Kemasukan Biasa

- Lulus SPM/SPMV dengan dua kepujian dan lulus STPM/HSC dengan 2 prinsipal atau setaraf dengannya.
- Mempunyai diploma yang diiktiraf dan sijil matrikulasi.

Kriteria Kemasukan Fleksibel telah ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi

- Berusia 21 tahun pada 1 Januari pada tahun permohonan.
- Lulus PMR/SRP/LCE atau sama.
- Berpengetahuan dan berpengalaman kerja dalam bidang yang berhubung kait dengan program yang dipohon.
- Penilaian kemasukan fleksibel.

SEMINAR “KAWALAN DALAMAN: PEMACU INTEGRITI KOPERASI”

Kawalan dalaman adalah salah satu unsur penting yang perlu dititikberatkan oleh anggota lembaga serta pihak pengurusan koperasi bagi memenuhi tanggungjawab sebagai pemegang amanah (stewardship) atau tanggungjawab sebagai pentadbir koperasi. Kawalan dalaman yang kukuh akan memberikan jaminan munasabah dalam memastikan keberkesanan dan kecekapan operasi, kebolehpercayaan pelaporan kewangan dan pematuhan undang-undang dan peraturan untuk melindungi anggota koperasi. Oleh yang demikian, pelaksanaan Sistem Kawalan Dalaman (SKD) yang mantap dan efektif memerlukan komitmen serta kerjasama berterusan daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD), anggota dan juga pihak pengurusan koperasi bagi memastikan kejayaan sesebuah koperasi.

Sehubungan itu, pada 2 hingga 3 Mei 2012, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) telah menganjurkan seminar bertajuk “Kawalan Dalaman: Pemacu Integriti Koperasi” bertempat di Hotel Corus Paradise, Port Dickson. Seminar yang diselenggarakan oleh Pusat Perakaunan dan Kewangan (ACTIF) telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Akademik MKM iaitu Puan Norwatim binti Hj. Abd. Latiff.

Objektif seminar dua hari ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan tentang peranan kawalan dalaman dalam tadbir urus koperasi. Selain itu, seminar ini diharap dapat memberi kesedaran tentang impak kawalan dalaman kepada integriti dan kejayaan koperasi, di samping mengenal pasti isu-isu semasa berkaitan kawalan dalaman dalam koperasi.

Seminar ini telah menggandingkan barisan penceramah yang pakar dalam bidang masing-masing bagi mengupas tajuk kertas kerja yang diberikan. Mereka adalah; Puan Nur Hayati Baharuddin dari Institut Juruaudit Dalaman Malaysia (IIAM), Prof. Dr. Zulkarnain Muhammad Sori dari Universiti Malaysia Kelantan serta Encik Ibrahim Husain dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).



Majlis Perasmian oleh Puan Norwatim Hj. Abd. Latiff, Timbalan Ketua Pengarah Akademik MKM

Seminar yang mengupas tajuk penting ini dihadiri oleh seramai 180 orang peserta di kalangan ALK, JAD serta pihak Pengurusan koperasi dari Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Selangor dan Wilayah Persekutuan. Kertas kerja pertama menerangkan tentang peranan kawalan dalaman kepada organisasi. Manakala kertas kerja kedua pula menerangkan tentang impak pelaksanaan SKD dalam meningkatkan prestasi koperasi. Kertas kerja ketiga berfokus kepada pemeriksaan audit wajaran dan kaitannya dengan SKD yang disampaikan oleh penceramah dari SKM. Seminar ini diakhiri dengan sesi forum yang membawakan tiga orang panel yang berpengalaman iaitu Datin Hj. Zuraidah binti Hasni selaku Pengarah Bahagian Penyeliaan On-Site, SKM, Brig. Jen (B) Dato’ Ahmad Zahudi bin Hj Salleh selaku Ketua Pegawai Eksekutif Koperasi Tentera Berhad dan Wan Idris Wan Ibrahim selaku Rakan Kongsi Kanan, Firma Atarek Kamil Ibrahim & Co. -Juliana Yusop



Pembentangan kertas kerja pertama oleh Puan Nur Hayati Baharuddin dari IIAM



Pembentangan kertas kerja kedua oleh Prof. Dr. Zulkarnain Muhammad Sori dari UMK



Pembentangan kertas kerja ketiga oleh Encik Ibrahim Husain dari SKM



Sesi forum bertajuk “Kawalan Dalaman: Pemacu Integriti Koperasi”

BICARA EKSEKUTIF "HALALAN THOYYIBA – KOPERASI & IMP"

"Daging yang tumbuh dari perkara yang haram tidak akan bertambah kecuali neraka patut baginya." Demikianlah Hadis Riwayat Tirmidzi dengan jelas menyatakan kesan memakan setitik makanan haram akan menggelapkan hati manusia hingga terjerumus ke lembah kejahilan. Atas dasar kesedaran dan tanggungjawab untuk menyampaikan ilmu, Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Utara telah menganjurkan satu majlis ilmu bagi menghimpunkan para koperator di Utara khususnya dari Negeri Kedah.

Sehubungan itu, pada 1 Februari 2012 bertempat di Hotel Star City, Alor Setar, Kedah; telah berlangsung Bicara Eksekutif "Halalan Thoyyiba-Koperasi & IMP (*Islamic Manufacturing Practice*)."

Objektif Bicara Eksekutif ini adalah untuk memberi pendedahan mengenai proses serta manfaat amalan pengilangan IMP kepada gerakan koperasi serta berkongsi pengalaman koperasi yang telah mempraktikkan amalan pengilangan IMP. Seramai 170 orang koperator yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi, Pengurus dan Kakitangan Kanan Koperasi, Anggota Koperasi serta Pegawai-pegawai di bawah Kementerian PDNKK (Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan) telah menghadiri program ini.

YB. Dato' Dr. Ku Abd. Rahman bin Ku Ismail ketika menyampaikan ucapan perasmian

Sebahagian peserta yang hadir

“Halalan Thoyyiba yang maknanya “Yang halal lagi baik” iaitu makanan yang mampu (dengan izin Allah) mengubah pemikiran, perasaan, jiwa dan akhlak manusia dari kegelapan kepada petunjuk Ilahi.”

Majlis perasmian Bicara Eksekutif ini telah disempurnakan oleh YB. Dato' Dr. Ku Abd. Rahman bin Ku Ismail, Pengerusi Majlis Perundingan Koperasi Negeri Kedah. Antara intipati ucapan beliau adalah beliau menegaskan kepentingan produk yang suci pembuatannya atau dalam kata lain halal. Menurut beliau lagi, memandangkan industri produk halal semakin mendapat tempat dalam kalangan pengguna di negara ini seharusnya koperasi sebagai sebuah entiti perniagaan merebut peluang pasaran ini. Kepekaan kepada isu pengguna ini amat dituntut kerana memenuhi tuntutan syarak dan tanggungjawab sosial.

Bagi mengupas isu ini dengan lebih mendalam, dua (2) orang penceramah yang berpengalaman luas dalam bidang IMP telah dijemput untuk membentangkan kertas kerja masing-masing. Kertas kerja pertama disampaikan oleh Pengarah IMP itu sendiri iaitu Tn. Hj. Ahmad Tajuddin bin Arshad. Kertas kerja ini memfokuskan kepada konsep IMP dalam mewujudkan usahawan muslimin yang sejati. Selain itu, beliau juga telah mempelawa gerakan koperasi untuk bersama-sama dalam komuniti IMP. Ini

Barisan pembentang kertas kerja bersama pengerusi sesi, En. Mohd Zaib bin Mat Yunus (tengah)

kerana gerakan koperasi dilihat sebagai agen berkesan dalam usaha mengilang, memasar dan menguruskan produk-produk yang halal lagi suci. Tambahan lagi, sedari awal gerakan koperasi telah pun terlibat dalam aktiviti pembuatan produk khususnya produk makanan yang mana kebanyakannya diusahakan oleh orang Islam.

Kertas kerja kedua pula disampaikan oleh Tn. Hj. Idris bin Hj. Mahamud iaitu Pengerusi Koperasi Bela Warga Melayu Bhd. Kertas kerja ini mengupas pengalaman koperasi yang telah lama berkecimpung dengan amalan pengilangan IMP. Kesungguhan koperasi ini menjadikan IMP sebagai panduan dalam pengilangan produk seharusnya menjadi contoh kepada koperasi lain. Menurut beliau, sistem memproses produk di dalam kilangnya adalah mengikut syariat Allah swt. Bagi memperoleh keberkatan Ilahi, koperasi ini telah mendirikan sebuah Institut Pendidikan Islam dan Tahfiz Al-Quran yang berperanan membina generasi beriman, berilmu, beramal dan bertaqwa.

Halalan Thoyyiba yang maknanya “Yang halal lagi baik” iaitu makanan yang mampu (dengan izin Allah) mengubah pemikiran, perasaan, jiwa dan akhlak manusia dari kegelapan kepada petunjuk Ilahi. Oleh itu, dengan menjauhi produk yang syubhat dan haram akan menjadikan manusia lebih taat akan perintah Allah dan Rasul. Dengan berakhirnya Bicara Eksekutif ini, para peserta diharapkan akan memperoleh ilmu yang mempunyai nur iaitu hidayah dari Allah. Sepertimana firman Allah maksudnya: “Dikeluarkan mereka oleh Tuhan dari kegelapan (kebodohan dan kedunguan) kepada nur cahaya (ilmu pengetahuan)” (Al-Baqarah:257). Disamping itu, para peserta juga diharapkan akan dapat menilai pembabitan koperasi masing-masing dalam IMP dan seterusnya mengukuhkan lagi sumbangan koperasi dalam bidang pengilangan produk berlandaskan Islam.
-Yusnita-



Salah seorang peserta yang mengajukan soalan



Wakil MKM, Pn. Rahimah Abd. Samad

BICARA EKSEKUTIF: PELUANG PERNIAGAAN DALAM TELEKOMUNIKASI DAN TAKLIMAT PROGRAM LATIHAN MKM 2012



Wakil ANGKASA, En. Husnaidy Ibrahim

Pada 31 Januari 2012, telah berlangsung satu program Bicara Eksekutif bertajuk 'Peluang Perniagaan Dalam Telekomunikasi' dan Taklimat Program Latihan MKM 2012 anjuran Pusat Keusahawanan Koperasi dan Peruncitan, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) di Puteri Resort Ayer Keroh, Melaka. Program ini telah dihadiri oleh 270 orang peserta di sekitar Melaka, Negeri Sembilan, Johor, dan Selangor. Program ini telah dirasmikan oleh Tuan Haji Idris Ismail selaku Ketua Pengarah Maktab Koperasi Malaysia. Turut hadir ialah Pengarah Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (PDNKK) Melaka, En. Muhabir Ibrahim, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Melaka, En. Azam Sulaiman serta wakil Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA) Melaka, Hj. Abdul Aziz Othman.

Objektif utama program ini adalah untuk membuka ruang perniagaan baru kepada sektor koperasi dalam industri telekomunikasi yang boleh menjana pendapatan yang tinggi dan untuk memberi pendapatan hasil daripada penggunaan perkhidmatan telekomunikasi ahli-ahli koperasi untuk diagihkan melalui perkongsian pendapatan sesama ahli dan koperasi serta mempromosikan kursus-kursus yang akan dijalankan di MKM pada tahun 2012. Program telah dimulakan dengan sesi taklimat Program Latihan MKM 2012 yang telah disampaikan oleh Pn. Rahimah Abd. Samad selaku Pensyarah Kanan, Pusat Keusahawanan Koperasi dan Peruncitan, MKM dan bagi kertas kerja Bicara Eksekutif pula telah dibentangkan oleh En. Husnaidy Ibrahim selaku Ketua Projek Bahagian Usahawan, ANGKASA. Pembentangan daripada ANGKASA ini adalah mengenai Projek Clixter-MyCOOP iaitu satu projek perniagaan telekomunikasi yang boleh dipertimbangkan oleh koperasi untuk diceburi. Kertas kerja yang dibentangkan adalah merangkumi perkhidmatan Clixter-MyCOOP, pelan perniagaan dan pendapatan perniagaan.



Suasana ruang pameran koperasi



Antara peserta seminar dan VIP yang hadir

Selesai sahaja pembentangan kertas kerja, sesi soal jawab diadakan bersama peserta yang dipengerusikan oleh Dr. Hajah Jamilah binti Din, Pengarah Pusat Keusahawanan Koperasi dan Peruncitan, MKM bagi mendapatkan maklumbalas dan perkongsian pandangan terhadap tajuk yang dibentangkan. Segala pandangan dan maklumbalas yang dikemukakan akan dibawa ke pihak yang berkenaan dalam usaha memajukan lagi gerakan koperasi di Malaysia. Secara keseluruhannya, program ini telah membuka minda para koperator bahawa perniagaan telekomunikasi mampu menjana pendapatan yang tinggi dan setiap anggota koperasi yang menggunakan perkhidmatan ini boleh mendapat pelbagai kemudahan serta perlindungan

insuran. Oleh yang demikian, MKM sebagai institusi latihan dan pendidikan koperasi akan terus peka kepada program-program yang sesuai dengan persekitaran bagi membantu gerakan koperasi dengan ilmu-ilmu yang berguna untuk lebih berdaya maju, berdaya saing, kreatif dan inovatif. - *Noranita*

“...program ini telah membuka minda para koperator bahawa perniagaan telekomunikasi mampu menjana pendapatan yang tinggi...”



Sesi Q&A



En. Husnaidy Ibrahim dan Dr. Hjh Jamilah binti Din semasa sesi soal jawab

BENGGKEL RANCANGAN PERNIAGAAN GABUNGAN KOPERASI ASAS TANI



Para Peserta Bengkel Rancangan Perniagaan Gabungan Koperasi Asas Tani



Pembentangan daripada pihak MKM



Semasa sesi perbincangan kumpulan

“...kursus ini adalah untuk memberi pendedahan tentang konsep dan kepentingan rancangan perniagaan, memberi kefahaman tentang komponen penting dalam rancangan perniagaan...”

Pusat Keusahawanan Koperasi dan Peruncitan (ReCEnt) telah bekerjasama dengan pihak ANGKASA untuk mengendali dan melaksanakan Bengkel Rancangan Perniagaan Gabungan Koperasi Asas Tani di Hotel Seri Malaysia Kangar, Perlis.

Bengkel ini berlangsung selama tiga hari iaitu bermula dari 14 hingga 16 November 2011 dan telah dihadiri oleh dua koperasi gabungan iaitu Gabungan Koperasi Asas Tani Perlis Berhad dan Gabungan Koperasi Pengusaha Tanaman Padi Kedah Berhad. Sebanyak 12 buah koperasi telah bergabung bagi membentuk dua buah gabungan koperasi ini. Jumlah peserta yang hadir adalah seramai 24 orang.

Objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan tentang konsep dan kepentingan rancangan perniagaan, memberi kefahaman tentang komponen penting dalam rancangan perniagaan, memberi kefahaman tentang teknik penyediaan rancangan perniagaan serta menyediakan satu 'blue print' sebagai panduan kepada halatuju koperasi. Sepanjang bengkel ini para peserta dikehendaki menyediakan satu rancangan perniagaan berkenaan dengan pemajakan sawah dan juga kedai input pertanian.

Antara topik yang telah dibincangkan di dalam bengkel ini adalah pengenalan dan tujuan rancangan perniagaan (RP), rancangan pentadbiran, operasi, pemasaran dan kewangan serta jadual pelaksanaan projek. Peserta juga turut mendengar ceramah daripada pihak BERNAS mengenai Program Rakan Ladang Koperasi (PRLK) dan Koperasi Peserta Rancangan Felcra Seberang Perak Berhad mengenai kedai input pertanian.

Pada akhir kursus ini, Gabungan Koperasi Asas Tani Perlis Berhad dan Gabungan Koperasi Pengusaha Tanaman Padi Kedah Berhad telah berjaya menghasilkan satu Rancangan Perniagaan iaitu Projek Pemajakan Sawah dan Projek Kedai Input Pertanian. Semoga Rancangan Perniagaan yang telah dihasilkan ini boleh dijadikan rujukan dan panduan kepada koperasi pada masa kini dan juga di masa-masa akan datang. - *Noranita*

KEMPEN DERMA DARAH

ANJURAN PPUM



16 Januari 2012, Petaling Jaya – Pusat Antarabangsa & Pendidikan Tinggi (ANTARABANGSA) MKM dengan usaha sama Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), telah menganjurkan kempen derma darah untuk kakitangan serta pelajar-pelajar MKM. Mengambil tempat di Bilik Serindit 1, kempen ini bermula pada jam 10.00 pagi dan berakhir pada jam 3.00 petang.



Kempen ini bertujuan untuk menambah simpanan darah di PPUM yang semakin berkurangan. Selain itu, ianya untuk memupuk kesedaran di kalangan kakitangan serta pelajar terhadap kepentingan derma darah, di mana darah-darah yang didermakan boleh dimanfaatkan oleh pesakit-pesakit kritikal di PPUM.



Terdapat beberapa syarat sebelum seseorang itu boleh menderma darah, antaranya sihat tubuh badan dan tidak mengidap sebarang penyakit, berumur 18 hingga 55 tahun, berat badan melebihi 50kg, tidak mengambil ubat tertentu dalam tempoh seminggu, wanita mengandung dan sedang dalam haid tidak dibenarkan. Kempen kali ini mendapat sambutan yang menggalakkan terutama dari pelajar-pelajar MKM serta warga kerja MKM.



- Wani Syahira

“...darah-darah yang didermakan boleh dimanfaatkan oleh pesakit-pesakit kritikal di PPUM.”

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang - MKM 2011 -



Penerima Anugerah Ketua Pengarah 2011

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2011

Pada 24 Mei 2012 yang lalu, pihak MKM telah menganjurkan acara tahunannya iaitu Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bertempat di Auditorium Dato' Abd. Majid dengan dihadiri oleh semua kakitangan Petaling Jaya dan wakil daripada cawangan Sabah, Sarawak, wilayah Utara, Timur dan Selatan.

Majlis telah dirasmikan oleh YBhg Dato' Saripuddin bin Kasim, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Atur cara majlis pada majlis tersebut meriah dan

ringkas dengan ucapan perasmian Ketua Setiausaha, persembahan video dan penyampaian anugerah.

Seramai lima belas (15) orang penerima APC tahun 2011 yang terdiri daripada enam (6) orang kumpulan pengurusan dan profesional, sembilan (9) orang kumpulan sokongan I dan sokongan II, enam (6) orang penerima Anugerah Ketua Pengarah MKM serta lima (5) orang penerima Anugerah Khidmat Setia dan Berjasa. Nama-nama penerima anugerah seperti berikut :

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2011

- | | |
|---|-----------------------------|
| 1. En. Faiz bin Ahmad Yatim | Pegawai Latihan Gred E41 |
| 2. Pn. Arfizawati binti Abd. Hadi | Pegawai Latihan Gred E41 |
| 3. En. Mohd Nusi bin Abdul Rahman | Pegawai Latihan Gred E41 |
| 4. Pn. Farahaini binti Mohd Hanif | Pegawai Latihan Gred E41 |
| 5. Cik Norsyeirawani binti Shari | Pegawai Latihan Gred E41 |
| 6. En. Mohamad Suandi bin Mortadza | Pegawai Latihan Gred E41 |
| 7. Pn. Yuslinah binti Pungut | Pen. Akauntan Gred W27 |
| 8. Pn. Nur Raida Fariza Patrek binti Abdullah | Setiausaha Pejabat N27 |
| 9. En. Muhammad Zulfadli bin Bachok | Pen. Peg. Tek. Maklumat F29 |
| 10. Pn. Zaharaini binti Hatim | Pembantu Tadbir N22 |
| 11. En. Zakaria bin Hassan | Peg. Khidmat Pelanggan N17 |
| 12. En. Abdul Halim bin Japar | Pembantu Am Pejabat N4 |
| 13. Pn. Norlizawati binti Mohamad Zamzamil | Pembantu Am Pejabat N1 |
| 14. En. Muhammad Haikal bin Razali | Pembantu Am Pejabat N1 |
| 15. En. Mohd Za'aba bin Mohd Hanafiah | Pembantu Am Pejabat N1 |



Ucapan perasmian oleh YBhg KSU KPDNKK

ANUGERAH KETUA PENGARAH TAHUN 2011

- | | |
|---|------------------------------|
| 1. Pn. Hj. Siti Fatimah binti Sajadi | Pegawai Latihan Gred E48t N1 |
| 2. Tn. Hj. Kasim bin Yusof | Pegawai Latihan Gred E44 |
| 3. En. Ju Samsuddin bin Safian | Pegawai Latihan Gred E41 |
| 4. En. Muhd Nurshahrul Azri bin Mubarak | Penolong Jurutera Gred J29 |
| 5. Pn. Hasnah Laili binti Mutasar | Pembantu Tadbir Gred N17 |
| 6. En. Jamil Azmal bin Abd. Rani | Pembantu Am Pejabat N1 |

ANUGERAH KHIDMAT SETIA DAN BERJASA - 30 TAHUN (1981)

- | | |
|-------------------------------|--------------------------|
| 1. Pn. Julia Bee binti Ramjan | Pegawai Tadbir Gred N52 |
| 2. Pn. Aishah binti Ariffin | Pegawai Latihan Gred E48 |

ANUGERAH KHIDMAT SETIA DAN BERJASA - 25 TAHUN (1986)

- | | |
|---------------------------|---------------------------|
| 1. En. Ramli bin Mohd Nor | Pekerja Awam Khas Gred R6 |
|---------------------------|---------------------------|

ANUGERAH KHIDMAT SETIA DAN BERJASA - 15 TAHUN (1996)

- | | |
|--------------------------------|-------------------------|
| 1. Pn. Hasnah binti Mustapa | Tukang Masak Gred N17 |
| 2. Pn. Afiza binti Abdul Karim | Pegawai Tadbir Gred N41 |



Tanda penghargaan



Penerima Anugerah Setia Dan Berjasa



Bergambar kenangan bersama KSU KPDNKK, YBhg Dato' Saripuddin bin Kasim

Inti pati ucapan daripada Ketua Setiausaha antaranya mengingatkan bahawa Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) diraikan sebagai tanda penghormatan dan penghargaan MKM kepada kakitangan yang telah memberikan perkhidmatan terbaik kepada Perkhidmatan Awam.

Beliau juga menyatakan tentang usaha kerajaan yang sentiasa meletakkan kepentingan modal insan sebagai keutamaan dalam menjana pembangunan negara dan sektor awam yang merupakan fasilitator kepada pertumbuhan ekonomi negara. Selain dari itu, berbagai usaha telah dibuat untuk menjamin sektor awam sentiasa cekap dan berkesan. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang adalah salah satu daripada usaha kerajaan dalam memberikan motivasi kepada anggota perkhidmatan awam yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang.

Kerajaan juga baru-baru ini telah bersetuju untuk memberikan kenaikan gaji kepada anggota sektor awam di antara 7% hingga 13%. Keputusan tersebut menjelaskan lagi pengiktirafan kerajaan terhadap sumbangan yang telah diberikan oleh perkhidmatan awam dalam pembangunan negara.

Di akhir ucapannya, beliau menyeru agar semua kakitangan MKM mendukung dan mengamalkan prinsip tadbir urus yang terbaik atau "good governance" sektor awam melalui empat prinsip seperti berikut: -

- a) Integriti
- b) Akauntabiliti
- c) Pengamanahan dan Pengawasan (*stewardship*)
- d) Ketelusan

-Hayqal

BENGGKEL PERANCANGAN STRATEGIK 2012 - 2016

Bengkel Perancangan Strategik MKM 2012-2016 siri I, telah diadakan pada 30 November 2011 hingga 1 Disember 2011 bertempat di Klana Resort Seremban dan pada 11 hingga 12 Januari 2012 di Hotel Singgahsana, Petaling Jaya bagi siri II. Bengkel ini telah dihadiri seramai 37 orang warga kerja yang terdiri daripada Ketua

Metodologi yang digunakan sepanjang bengkel ini meliputi ceramah pendek berbentuk interaktif berserta kajian kes untuk menjelaskan konsep proses dan teknik perancangan diikuti dengan perbincangan dalam kumpulan-kumpulan kecil dan persembahan oleh para peserta.

2016). Pelan ini juga digubal sebagai satu panduan untuk membantu MKM menghadapi isi dan cabaran masa kini dan akan datang.
-Norazila



Pengarah, Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, Pengarah Pentadbiran, Pengarah-pengarah Pusat, Pengarah-pengarah Cawangan dan Penolong – penolong Pengarah Unit.

Pengurusan Kanan yang menghadiri bengkel tersebut telah melibatkan diri secara aktif dan memberi sumbang saran dari segi idea mengenai visi dan misi MKM yang baru, pelan jangka panjang MKM serta melakukan analisis persekitaran. Bengkel ini telah dikendalikan oleh pegawai dari firma SAGE Consulting yang telah dilantik sebagai perunding kepada MKM dalam menyediakan dokumen Pelan Strategik MKM.

Selain itu, pengesahandan pengukuhan turut diadakan sebagai aktiviti pasca bengkel untuk mengesah, menjajar dan mengukuhkan resolusi-resolusi serta keputusan yang telah dibuat semasa bengkel. Sesi perbincangan susulan yang telah diadakan melibatkan Ketua Pengarah, Timbalan-timbalan Ketua Pengarah serta Pengarah – Pengarah Pusat juga turut diadakan.

Sebanyak 4 perbincangan susulan telah diadakan di sepanjang bulan Januari, Februari dan Mac 2012. Bengkel ini telah memberi fokus ke arah menggubal satu rangka kerja “Pelan Strategik MKM” bagi tempoh lima (5) tahun akan datang (2012-



Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Selatan telah mengambil peluang dan turut serta dalam Festival Koperasi Zon Selatan anjuran Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Majlis ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Maulizan bin Bujang selaku Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri Johor. Festival tersebut dijalankan di Plaza Angsana Johor Bahru, Johor. Sebanyak tiga zon merangkumi Johor, Melaka dan Negeri Sembilan telah menyertai Festival ini. Terdapat lebih daripada 100 booth yang melibatkan agensi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan koperasi-koperasi zon selatan.

Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Selatan diberi peluang mengadakan pameran selama festival tersebut berlangsung iaitu bermula 12 hingga 15 April 2012. Di booth MKMCS, kami menyediakan pelbagai bahan penerbitan yang diterbitkan oleh MKM seperti jurnal, majalah-majalah, kajian kes dan sebagainya. MKMCS juga menerima tempahan kursus jangka pendek daripada pengunjung-pengunjung yang terdiri daripada koperator dan orang awam. Dengan wujudnya booth ini, MKMCS beramah mesra dan memperkenalkan peranan MKM kepada pengunjung yang terdiri daripada orang awam dan koperator-koperator zon selatan.

Festival yang berjalan selama 4 hari itu dipenuhi dengan pelbagai aktiviti menarik seperti pertandingan pidato, Mini konsert dari artis undangan, pertandingan memasak dan sebagainya. MKMCS juga turut diundang sebagai panel hakim bagi Pertandingan Pidato Koperasi Sekolah Zon Selatan yang bertajuk Transformasi Koperasi. Sebanyak 9 buah koperasi sekolah menyertai pertandingan ini.

FESTIVAL KOPERASI ZON SELATAN 2012



Panel juri



Pengunjung yang hadir

Pada 12 hingga 14 April 2012, MKMCS telah menjalinkan kerjasama dengan SKM Negeri Sembilan dengan mengadakan kursus asas anggota koperasi baru di Hotel M-Suites, Johor Bahru. Seramai 40 orang koperator koperasi baru Negeri Sembilan turut serta dengan kursus ini. Kursus ini berjalan dengan jayanya, dan dikesempatan ini juga, MKMCS telah menerima permohonan penyertaan kursus dari peserta-peserta koperasi Negeri Sembilan yang akan dilaksanakan bagi kursus-kursus berikutnya. -Afizah Abdul Jalal

...MKMCS juga menerima tempahan kursus jangka pendek daripada pengunjung-pengunjung yang terdiri daripada koperator dan orang awam.



KEM MOTIVASI PELAJAR DIPLOMA PENGURUSAN KOPERASI (DPK)



Sesi "ice breaking"

Pada 11-13 Januari 2012 bertempat di Bukit Nur Unggul, Bangi telah berlangsung Kem Motivasi yang julung-julung kali diadakan bagi pelajar DPK. Kem tersebut telah dihadiri 38 orang pelajar DPK yang akan menduduki peperiksaan re-sit. Pelbagai pengisian yang telah di atur bagi meningkatkan jati diri , keyakinan diri dan memupuk semangat kerjasama dalam kalangan pelajar seperti slot mengenal potensi diri, aktiviti 'fear factor', 'jungle trekking', SQ3R, tidur di dalam khemah dan solat berjemaah setiap kali waktu solat. Dalam kursus ini, setiap peserta diberikan barang amanah iaitu telur dan pita pengukur (setiap peserta dikehendaki menandakan mengikut umur sendiri) untuk dijaga dan dibawa sepanjang program. Pada akhir kursus ini satu majlis simbolik iaitu memotong pita pengukur yang dipakai peserta oleh fasilitator dan menyuapkan gula-gula dilakukan sebagai tanda baki usia peserta yang ada perlu digunakan sepenuhnya dengan baik dan cemerlang. -Norsyairawani

"Pelbagai pengisian yang telah di atur bagi meningkatkan jati diri , keyakinan diri dan memupuk semangat kerjasama dalam kalangan pelajar.."



Acara simbolik memotong pita pengukur yang ditanda umur pelajar





Sesi penyerahan anak angkat kepada keluarga angkat

Deruan ombak yang memukul pantai yang indah di pulau Lagenda Mahsuri, telah menarik minat pelajar DPK sem 2 Maktab Koperasi Malaysia untuk singgah melakukan program di

Rombongan peserta program bertolak daripada Maktab Koperasi Malaysia pada hari Jumaat jam 9.00 malam dan tiba di Jeti Kuala Perlis pada jam 6.00 pagi. Semua peserta program menaiki feri ke Langkawi pada jam 7.30 pagi dan tiba di Pulau Langkawi pada jam 8.30 pagi. Seterusnya, perjalanan diteruskan ke kampung Kuala Teriang dengan menaiki bas rombongan. Ketibaan peserta program di kampung Kuala Teriang pada pukul 9.30 pagi disambut mesra oleh Tuan Haji Mansur Haji Man, Pengerusi KRT dan juga Haji Murad Draoh selaku bendahari KRT Kuala Teriang. Perasmian program ini di sempurnakan oleh Yang Berbahagia, Tuan Haji Mohd Rawi Haji Abdul Hamid, ADUN N1 Air Hangat. Selesai majlis perasmian, program diteruskan dengan sesi penyerahan anak angkat kepada keluarga angkat masing-masing.



Gotong-royong bersama penduduk kampung



Lawatan sambil belajar ke Koperasi Pembangunan Daerah Langkawi



Jamuan makan malam selepas bacaan Yasin

PROGRAM ANAK ANGGAT BERSAMA LANGKAWIAN

Anjuran Diploma Pengurusan Koperasi, Semester 2

Langkawi. Pada 24 Februari sehingga 27 Februari 2012 telah berlangsung "Program Anak Angkat Bersama Langkawian" yang disertai oleh 50 orang pelajar Diploma Pengurusan Koperasi Semester 2. Program ini dikendalikan oleh Encik Muhammad Zulfazli Muhamad Asri selaku ketua program dan dipantau oleh pensyarah kokurikulum iaitu Cik Norsyeirawani Shari iaitu pegawai pengiring program ini. Program ini dijalankan di Kampung Kuala Teriang, Langkawi. Kampung Kuala Teriang ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu Kuala Teriang dan Kuala Melaka. Kampung ini mempunyai 2280 orang komuniti Rukun Tetangga dan mempunyai 35 orang AJK Rukun Tetangga (RT). Penduduk Kampung Kuala Teriang adalah terdiri daripada nelayan, petani, pengusaha rumah tumpangan dan juga kakitangan kerajaan.

Setiap keluarga akan menerima 2, 3, atau 4 orang anak angkat dalam sebuah keluarga.

Selesai majlis penyerahan tersebut, peserta program dan penduduk kampung dihidangkan jamuan makan tengah hari dan beramah mesra bersama keluarga angkat masing-masing. Selesai majlis, peserta program pulang ke rumah keluarga angkat masing-masing dan menghabiskan masa pada waktu petang itu dengan beramah mesra bersama mereka. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh mereka ialah bersiar-siar di Pantai Cenang, Pantai Tengah, menaiki *Cable Car*, mengunjungi tempat-tempat yang menarik di Pulau Langkawi dan pelbagai lagi aktiviti menarik yang dilakukan bersama keluarga angkat masing-masing.

Pada pagi Ahad, 25 Februari 2012, aktiviti dimeriahkan dengan senaman ringan dan menghirup udara segar di sekitar sawah padi di kampung tersebut. Selesai senaman ringan, aktiviti merewang diteruskan bersama penduduk kampung.

Aktiviti gotong-royong dijalankan dengan membersihkan kawasan surau dan mengecat surau serta membersihkan kawasan sekitar balai raya. Aktiviti gotong-royong ini selesai pada jam 12.00 tengah hari dan peserta diminta berkumpul semula pada jam 1.30 petang untuk bertolak melawat Koperasi Pembangunan Daerah Langkawi.

Seterusnya peserta program bertolak untuk lawatan ke koperasi pada pukul 2.30 petang. Koperasi Pembangunan

hadiah daripada tokoh terkenal dan wakil dari negara luar kepada Mantan Perdana Menteri Malaysia ke-4 ini. Tidak ketinggalan juga kereta dan motokar antik milik Tun yang gah dan memukau setiap pengunjung yang melewati galeri tersebut.

Kilang gamat di Langkawi menjadi kunjungan seterusnya oleh peserta program dan mereka didedahkan dengan perusahaan gamat yang dilakukan oleh masyarakat Langkawi. Selain itu, mereka juga dapat mengetahui jenis-jenis minyak gamat dan kegunaannya. Bak kata orang sambil menyelam minum air, kesempatan membeli belah ubat-ubatan tradisional, kain batik dan sebagainya untuk dijadikan oleh-oleh atau buah tangan.

Setelah habis lawatan, para peserta

diteruskan dengan melawat kebun kelapa mawar dan kelapa pandan. Aktiviti riadah pada pagi itu dipenuhi dengan berjoging di sekitar kawasan kebun kelapa tersebut yang terletak di persisiran pantai. Penat lelah beriadah pada pagi itu berbaloi apabila semua peserta dihidangkan air kelapa pandan dan air kelapa mawar yang dipetik dari pokok kelapa tersebut. Selesai aktiviti di kebun kelapa tersebut semua peserta program bergerak ke dewan orang ramai Kuala Teriang untuk persediaan majlis penutupan. Semua diminta berkumpul pada jam 11.00 pagi.

Pada majlis penutupan program jam 11.00 pagi, Tuan Haji Md Hasan bin Bulat, Pengerusi dan Penyelaras RT Daerah Langkawi



Aktiviti merewang



Kenangan bersama keluarga angkat dan Pegawai Jabatan Pembangunan Langkawi


Daerah Langkawi yang dikunjungi oleh peserta program bertempat di Pekan Kuah, Daerah Langkawi. Koperasi ini menjalankan kegiatan menjual motosikal, penginapan *dorm* dan pembinaan-pembinaan kecil, seperti pembinaan jalan raya dan kontraktor kelas F. Melalui lawatan ini, peserta program dapat menambah ilmu tentang ilmu pengkoperasian di samping dapat mengetahui sejarah pembangunan koperasi tersebut.

Setelah selesai lawatan tersebut, peserta program dibawa melawat ke Galeria Perdana yang terletak di Jalan Kisap. Di sini para pelajar dapat melihat pelbagai jenis barangan milik Tun Dr. Mahathir yang tersimpan di setiap sudut galeri. Antaranya adalah replika-replika, tembikar, sutera, dan kristal. Terdapat juga pemberian ataupun

bergerak pulang ke rumah keluarga angkat masing-masing untuk persiapan majlis bacaan Yasin dan tahlil bersama penduduk Kampung Kuala Teriang. Peserta program menunaikan solat Maghrib dan Isyak secara berjemaah serta majlis tahlil bersama penduduk kampung di situ. Setelah selesai bacaan Yasin dan majlis tahlil, semua peserta program bersama-sama menikmati jamuan makan malam yang disediakan oleh penduduk kampung. Lauk-pauk yang dihidangkan pada malam itu membuka selera semua orang yang menghadiri jamuan makan malam yang disediakan. Aktiviti pada malam itu di akhiri dengan gotong-royong membasuh pinggan bersama-sama penduduk kampung.

Pada hari terakhir program iaitu Isnin, 27 Februari 2012 aktiviti pelajar

telah merasmikan majlis penutupan program tersebut dan penyerahan cenderahati oleh setiap peserta kepada keluarga angkat masing-masing. Program yang dijalankan ini mendapat maklum balas yang positif dari kedua-dua pihak. -Alia



PROGRAM SELAMI ALAM KITA

DI TAMAN NEGARA KUALA TAHAN, JERANTUT PAHANG

Pada 29 Februari hingga 2 Mac 2012, pelajar diploma semester 2 Maktab Koperasi Malaysia julung-julung kalinya mengadakan program khidmat masyarakat di Taman Negara Kuala Tahan, Jerantut Pahang. Program ini diadakan bagi memenuhi sukatan pelajaran dalam subjek ko-kurikulum yang kami ambil. Seramai 50 orang pelajar yang mengambil bahagian dan mereka diiringi oleh seorang pensyarah, Cik Norsyeirawani Shari. Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk meningkatkan keyakinan diri serta menyelami keindahan flora dan fauna yang terdapat di Taman Negara.

Program ini berlangsung selama 3 hari 2 malam. Pelbagai aktiviti-aktiviti yang menarik yang telah kami lakukan di sana. Antaranya ialah 'night jungle walk', 'rapid shooting', berjalan menaiki titian kanopi sepanjang 400 meter, melawat perkampungan orang asli dan banyak lagi. Lawatan ke perkampungan orang asli ini telah memberikan kami sedikit sebanyak pengetahuan mengenai cara hidup mereka yang sangat berbeza jika dibandingkan dengan kita. Apa yang kami tahu orang asli juga merupakan kaum yang sangat pemalu kerana ketika kami berada di sana kebanyakan mereka bersembunyi di dalam rumah masing-masing. Kami juga berasa kagum dengan cara kehidupan mereka kerana mereka tidak memerlukan kemudahan yang banyak seperti kita untuk meneruskan hidup mereka. Sebagai contoh, walaupun pihak kementerian di sana telah menyediakan kediaman yang cukup selesa dan dilengkapi kemudahan tetapi mereka tetap berpendirian untuk meneruskan hidup dengan cara mereka sendiri. Mereka hanya

bergantung kepada alam sekitar di sekeliling mereka. Selain itu, aktiviti utama yang hendak kami lakukan ialah program khidmat masyarakat yang telah dijalankan pada hari terakhir kami di sana. Kami telah memilih untuk melakukan program khidmat masyarakat di Masjid Kg. Kuala Tahan bersama orang-orang kampung di sana. Penduduk kampung di sana sangat baik hati dan peramah. Mereka juga bersama-sama membantu kami dalam menjayakan program tersebut. Di samping itu, kami juga mengambil kesempatan ini untuk memperkenalkan Maktab Koperasi Malaysia kepada orang-orang kampung di sana. Tujuannya adalah untuk menarik lebih ramai lagi yang mengenali dan menyedari kewujudan dan kelebihan Maktab Koperasi Malaysia.

Program kami tidak berakhir di Taman Negara sahaja, tetapi kami telah membuat lawatan ke sebuah koperasi yang berada di Bandar Jerantut. Koperasi yang dipilih ialah Koperasi Serbaguna Daerah Jerantut, Berhad. Koperasi ini merupakan antara 100 daripada koperasi-koperasi terbaik di seluruh Malaysia. Di sana, kami diberi penerangan mengenai perjalanan koperasi tersebut dan juga aktiviti-aktiviti yang telah mereka lakukan. Walaupun lawatan kami hanya sebentar tetapi banyak maklumat yang dapat kami peroleh. Melalui program ini, dapat kami ketahui bahawa ilmu pengetahuan tidak semestinya hanya di dalam dewan kuliah sahaja. Oleh yang demikian, program seperti inilah yang lebih berkesan serta banyak membantu. Kami berharap program seperti ini dapat kami lakukan lagi pada masa akan datang. - Farhana -



Mandi di sungai Kuala Tahan



Menaiki titian kanopi sepanjang 400 meter



Mendengar penerangan mengenai cara hidup Orang Asli



Bergotong-royong bersama orang kampung Kuala Tahan



Lubuk Simpon



Bergambar selepas membersihkan kawasan masjid



Lawatan ke Koperasi Serbaguna Daerah Jerantut, Berhad



**SUKANEKA SEMPERA SAMBUTAN TAHUN
KOPERASI ANTARABANGSA (IYC) 26.11.2011**



**TAKLIMAT PROMOSI
PROGRAM LATIHAN MKM** 17.12.2011





**PERSARAAN
EN. ABDUL FATAH
BIN ABDUL RAHMAN,
PEMANDU KENDERAAN
R6 UNIT TADBIRAN AM**
21.12.2011



**HARI INTEGRASI 22.02.2012
PELAJAR**





**TEAM BUILDING
MKM
16.03.2012**



LAWATAN KE UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
21.03.2012



CERAMAH & PERHIMPUNAN DWIBULANAN 22.03.2012





MAJLIS PENYAMPAIAN BAUCAR BUKU MALAYSIA 22.03.2012



MESYUARAT PRA DEKLARASI MKM-SKM-ANGKASA 29.03.2012



**MESYUARAT
AGUNG BAKIM 30.03.2012**



**MAKAN MALAM
PUTRAJAYA CRUISE
30.03.2012**



TEMUBUAL DI RADIO NASIONAL FM

16.04.2012



LAWATAN DELEGASI DARI INDIAN FARMERS FERTILISER COOPERATIVE LIMITED (IFFCO)

17.04.2012



BICARA TOKOH & PERJUMPAAN BERSAMA TIMBALAN MENTERI PDNKK, YB DATO' TAN LIAN HOE 15.05.2012



PELANCARAN MENU RAKYAT MALAYSIA MKM JALAN TANDANG 15.05.2012



KALENDAR KURSUS MKM KAMPUS INDUK PETALING JAYA, SELANGOR SEPTEMBER -DISEMBER

| BIL | KOD KURSUS | NAMA KURSUS | TARIKH/TEMPOH KURSUS |
|------------------|------------|--|---------------------------|
| SEPTEMBER | | | |
| 1. | IDT 432 | Penyelenggaraan PC | 03-05/09/2012 (3 hari) |
| 2. | IDC 321 | Perundangan Koperasi dan Aplikasi | 03-05/09/2012 (3 hari) |
| 3. | IDB 705 | Keusahawanan Dalam Sektor Perkhidmatan Pelancongan | 03-06/09/2012 (4 hari) |
| 4. | WAJIB 1 | Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi | 10-12/09/2012 (3 hari) |
| 5. | IDA 126 | Pengurusan Hutang | 10-12/09/2012 (3 hari) |
| 6. | IDB 602 | Protokol dan Etiket Sosial | 10-12/09/2012 (3 hari) |
| 7. | IDT 411 | Pengurusan Pengkalan Data Koperasi-Microsoft Access | 10-13/09/2012 (4 hari) |
| 8. | IDC 824 | Kepimpinan Transformasi Dalam Koperasi | 18-19/09/2012 (2 hari) |
| 9. | IDB 203 | Prinsip Keusahawanan Koperasi | 18-20/09/2012 (3 hari) |
| 10. | IDT 421 | Perniagaan Melalui Internet | 18-20/09/2012 (3 hari) |
| 11. | IDT 435 | Pengurusan Pemprosesan Teks-Microsoft Word Lanjutan | 24-26/09/2012 (3 hari) |
| 12. | IDC 802 | Bengkel Kepimpinan Pasukan Cemerlang | 24-26/09/2012 (3 hari) |
| 13. | IDA 141 | Perakaunan Berkomputer - UBS | 24-28/09/2012 (5 hari) |
| 14. | IDB 701 | Keusahawanan Dalam Sektor Perkhidmatan Kek Dan Bakeri | 24-28/09/2012 (5 hari) |
| OKTOBER | | | |
| 15. | WAJIB 2 | Pengurusan Kewangan Koperasi | 01-02/10/2012 (2 hari) |
| 16. | IDB 601 | Penyeliaan Dalam Koperasi (Konsep 5P) | 01-03/10/2012 (3 hari) |
| 17. | IDA 101-A | Perakaunan Asas (Untuk Bendahari, JAD Dan ALK) | 01-05/10/2012 (5 hari) |
| 18. | IDT 431 | Pengurusan Pangkalan Data Koperasi-Microsoft Access Lanjutan | 01-05/10/2012 (5 hari) |
| 19. | WAJIB 1 | Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi | 08-10/10/2012 (3 hari) |
| 20. | IDB 244 | Menguasai Teknik Pembuatan Keputusan | 08-10/10/2012 (3 hari) |
| 21. | IDT 433 | Bengkel Mereka bentuk Laman Web Koperasi | 08-11/10/2012 (4 hari) |
| 22. | IDT 436 | Pengurusan Lembaran Elektronik-Microsoft Excel Lanjutan | 15-17/10/2012 (3 hari) |
| 23. | IDC 327 | Pemantapan Tadbir Urus Koperasi | 15-17/10/2012 (3 hari) |
| 24. | IDA 132 | Pencegahan Fraud dan Kawalan Dalaman | 15-17/10/2012 (3 hari) |
| 25. | IDB 224 | Strategi Penjenamaan dan Pembungkusan | 15-18/10/2012 (4 hari) |
| 26. | IDA 143 | Sistem Perakaunan Berkomputer (SPBA) | 30/10-01/11/2012 (3 hari) |
| 27. | IDC 318 | Penyediaan Laporan Tahunan Koperasi | 30/10-01/11/2012 (3 hari) |
| 28. | KEM 901 | Kem Pemantapan Kepimpinan Koperasi | 30/10-01/11/2012 (3 hari) |

| BIL | KOD KURSUS | NAMA KURSUS | TARIKH/TEMPOH KURSUS |
|-----------------|------------|--|-------------------------|
| NOVEMBER | | | |
| 29. | WAJIB 1 | Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi | 05-07/11/2012 (3 hari) |
| 30. | IDT 415 | Persembahan Berkesan - Microsoft PowerPoint | 05-07/11/2012 (3 hari) |
| 31. | IDB 202 | Aplikasi 5s Dalam Persekitaran Berkualiti | 05-07/11/2012 (3 hari) |
| 32. | IDA 101-K | Perakaunan Asas (Untuk Kakitangan) | 05-09/11/2012 (5 hari) |
| 33. | IDA 127 | Pengurusan Modal Kerja | 19-21/11/2012 (3 hari) |
| 34. | WAJIB 3 | Pengurusan Strategik | 19-20/11/2012 (2 hari) |
| 35. | IDC 314 | Panduan Pengurusan Mesyuarat Agung Koperasi | 19-21/11/2012 (3 hari) |
| 36. | WAJIB JAD | Tatacara Perakaunan dan Pengauditan Koperasi | 26-27/11/2012 (2 hari) |
| 37. | IDC 301 | Kemahiran Kepimpinan Koperasi | 26-28/11/2012 (3 hari) |
| 38. | IDB 222 | Strategi Dalam Pemasaran (Konsep 7P) | 26-29/11/2012 (4 hari) |
| DISEMBER | | | |
| 39. | WAJIB 2 | Pengurusan Kewangan Koperasi | 03-04/12/2012 (2 hari) |
| 40. | WAJIB 1 | Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi | 03-05/12/2012 (3 hari) |
| 41. | IDB 203 | Prinsip Keusahawanan Koperasi | 03-05/12/2012 (3 hari) |
| 42. | IDA 121 | Penyediaan Penyata Kewangan Koperasi | 03-14/12/2012 (10 hari) |
| 43. | IDB 225 | Jurujual Hebat | 17-19/12/2012 (3 hari) |
| 44. | IDB 622 | Pengurusan Stres | 17-19/12/2012 (3 hari) |
| 45. | IDC 319 | Peningkatan Diri Kakitangan Koperasi | 17-19/12/2012 (3 hari) |

KALENDAR KURSUS MKM CAWANGAN SABAH SEPTEMBER-DISEMBER 2012

| BIL | KOD KURSUS | NAMA KURSUS | TARIKH/TEMPOH KURSUS |
|------------------|------------|---|--------------------------|
| SEPTEMBER | | | |
| 1. | SDT 419 | Asas Membangunkan Blog | 04 - 06/09/2012 (3 hari) |
| 2. | SDB 718 | Bengkel Usahawan Industri Pelancongan | 10 - 13/09/2012 (4 hari) |
| 3. | SDT 468 | Perniagaan Melalui Internet | 24 - 26/09/2012 (3 hari) |
| 4. | SDB 241 | Bengkel Penyediaan dan Penilaian Projek | 24 - 28/09/2012 (5 hari) |
| OKTOBER | | | |
| 5. | SDB 231 | Pengurusan Hutang | 08 - 10/10/2012 (3 hari) |
| 6. | SD TET | Bicara Eksekutif | 13/10/2012 (1/2 hari) |
| 7. | SDT 457 | Bengkel Membangunkan Laman Web Koperasi | 15 - 17/10/2012 (3 hari) |
| 8. | SDA 102 | Penyediaan Penyata Kewangan Koperasi | 15 - 19/10/2012 (5 hari) |
| NOVEMBER | | | |
| 9. | SDA 140 | Perakaunan Berkomputer - UBS | 05 - 09/11/2012 (5 hari) |

KALENDAR KURSUS MKM CAWANGAN SARAWAK, SEPTEMBER-DISEMBER 2012

| BIL | KOD KURSUS | NAMA KURSUS | TARIKH/TEMPOH KURSUS |
|------------------|--------------|---|--------------------------|
| SEPTEMBER | | | |
| 1. | KDA 142 | Perakaunan Berkomputer Dengan User Business System (UBS) | 03 – 05/09/2012 (3 hari) |
| 2. | KDC 316 | Pentingnya Peranan Setiausaha Dalam Pentadbiran Koperasi | 03 – 05/09/2012 (3 hari) |
| 3. | KDT 462 | E-Setiausaha | 10 – 12/09/2012 (3 hari) |
| 4. | KDB 704 | Keusahawanan Dalam Bidang Pemborongan dan Peruncitan | 10 – 13/09/2012 (4 hari) |
| 5. | KD TET | Bicara Eksekutif | 20/09/2012 (1/2 hari) |
| 6. | KDA 101 | Asas Perakaunan Koperasi | 24 – 28/09/2012 (5 hari) |
| OKTOBER | | | |
| 7. | KDC 803 | Bengkel Penampilan Diri: Protokol dan Etiket Sosial | 01 – 03/10/2012 (3 hari) |
| 8. | KDT 457 | Membina Laman Web Beranimasi | 01 – 04/10/2012 (4 hari) |
| 9. | KDB 724 | Penyediaan Perancangan Perniagaan Koperasi: Kek dan Bakeri | 08 – 10/10/2012 (3 hari) |
| 10. | KDC 314 | Bagaimana Mengurus Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Yang Berkesan | 15 – 17/10/2012 (3 hari) |
| 11. | KDT 414 | Adobe Photoshop | 15 – 17/10/2012 (3 hari) |
| 12. | KDB 215 | Bengkel Pengurusan Rantainya Bekalan Perniagaan Koperasi | 22 – 24/10/2012 (3 hari) |
| 13. | KDA 141 | Perakaunan Berkomputer Dengan Microsoft Excel | 22 – 24/10/2012 (3 hari) |
| NOVEMBER | | | |
| 14. | KDT 434 | Animasi Multimedia | 05 – 07/11/2012 (3 hari) |
| 15. | KDA 122 | Kemahiran Asas Pengauditan Dalaman Koperasi | 05 – 07/11/2012 (3 hari) |
| 16. | KDB 720 | Penyediaan Perancangan Perniagaan Koperasi: Keropak Lekor | 12 – 14/11/2012 (3 hari) |
| 17. | KDA 102 | Penyediaan Penyata Kewangan Koperasi | 19 – 23/11/2012 (5 hari) |
| 18. | KDC 804 | Bengkel Membina Pemimpin Koperasi Cemerlang | 26 – 28/11/2012 (3 hari) |
| DISEMBER | | | |
| 19. | KD SEM | Seminar | 04 – 05/12/2012 (2 hari) |
| 20. | KD WAJIB JAD | Tatacara Pengauditan Dan Perakaunan Koperasi | 10 – 11/12/2012 (2 hari) |
| 21. | KDT 453 | Microsoft Excel (Lanjutan) | 10 – 12/12/2012 (3 hari) |

KALENDAR KURSUS MKM CAWANGAN TIMUR, SEPTEMBER-DISEMBER 2012

| BIL | KOD KURSUS | NAMA KURSUS | TARIKH/TEMPOH KURSUS |
|------------------|------------|---|-------------------------|
| SEPTEMBER | | | |
| 1. | CTB 222 | Strategi Dalam Pemasaran (Konsep 7P) | 03-06/09/2012 (4 hari) |
| 2. | CTC 302 | Memahami Undang-undang Kecil Koperasi | 11-12/09/2012 (2 hari) |
| 3. | CT T 412 | Pengeditan Imej Kreatif – Adobe Photoshop | 25-27/09/2012 (3 hari) |
| OKTOBER | | | |
| 4. | CTA 121 | Penyediaan Penyata Kewangan Koperasi | 01-12/10/2012 (12 hari) |
| NOVEMBER | | | |
| 5. | CT T 421 | Perniagaan Melalui Internet | 06-08/11/2012 (3 hari) |
| 6. | CTB 292 | Penyediaan Rancangan Perniagaan | 19-21/11/2012 (3 hari) |
| DISEMBER | | | |
| 7. | CT KEM 901 | Kem Pemantapan Kepimpinan Koperasi | 03- 05/12/2012 (3 hari) |

KALENDAR KURSUS MKM CAWANGAN UTARA SEPTEMBER-DISEMBER 2012

| BIL | KOD KURSUS | NAMA KURSUS | TARIKH/TEMPOH KURSUS |
|------------------|------------|--|------------------------|
| SEPTEMBER | | | |
| 1. | CUB 262 | Lawatan Sambil Belajar | 25-27/09/2012 (3 hari) |
| OKTOBER | | | |
| 2. | CUB 723 | Industri Berasaskan Makanan (Mee dan Soya) | 16-18/10/2012 (3 hari) |
| NOVEMBER | | | |
| 3. | CUT 435 | Microsoft Word Lanjutan | 06-08/11/2012 (3 hari) |
| DISEMBER | | | |
| . | | TIADA | |

KALENDAR KURSUS MKM CAWANGAN SELATAN SEPTEMBER-DISEMBER 2012

| BIL | KOD KURSUS | NAMA KURSUS | TARIKH/TEMPOH KURSUS |
|------------------|--------------|--|------------------------|
| SEPTEMBER | | | |
| 1. | CST 402 | Asas Penggunaan Internet | 04-06/9/2012 (3 hari) |
| 2. | CS WAJIB 1 | Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi | 19-21/9/2012 (3 hari) |
| 3. | CSB 241 | Padanan Perniagaan | 24-28/9/2012 (5 hari) |
| OKTOBER | | | |
| 4. | CSC 326 | Bengkel Penyediaan Aturan Koperasi | 09-11/10/2012 (3 hari) |
| 5. | CSA 101 | Asas Perakaunan | 15-19/10/2012 (5 hari) |
| NOVEMBER | | | |
| 6. | CS WAJIB JAD | Tatacara Pengauditan dan Perakaunan Koperasi | 20-21/10/2012 (2 hari) |
| DISEMBER | | | |
| 7. | CSA 131 | Kemahiran Asas Pengauditan Dalaman | 04-06/12/2012 (3 hari) |
| 8. | CS TET | Bicara Eksekutif | 11/12/2012 (½ hari) |
| 9. | CST 419 | Asas Membangunkan Blog | 17-19/12/2012 (3 hari) |



Pengambilan
SEPTEMBER
Setiap Tahun

Sijil Pengurusan Koperasi e-PJJ

➤ OBJEKTIF PROGRAM

Memantapkan kefahaman peserta mengenai koperasi dari segi konsep, falsafah, prinsip, pentadbiran, pengurusan serta perundangan koperasi.

- Memberi keyakinan diri kepada peserta dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dalam koperasi.
- Membolehkan peserta meningkatkan kemahiran penganalisan dan membuat perancangan strategik bagi meningkatkan daya saing koperasi.

➤ KELAYAKAN MASUK

- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM/SPMV atau setarafnya) dengan kredit dalam 2 mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu dan lulus Matematik ATAU
- Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM/SPMV atau setarafnya) dan 3 tahun pengalaman dalam bidang pengurusan dan pentadbiran koperasi.



TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 15 SEPTEMBER Setiap Tahun

PERMOHONAN PENGAJIAN

Permohonan boleh dibuat secara online melalui laman web MKM di alamat <http://www.mkm.edu.my>.

➤ SASARAN PESERTA

Pemimpin-pemimpin Koperasi, anggota Koperasi, kakitangan sokongan koperasi dan Jabatan/Agensi Kerajaan/Swasta serta individu lepasan SPM yang bekerja dan tidak mempunyai masa untuk melanjutkan pelajaran secara sepenuh masa. Disamping itu, program ini juga terbuka kepada semua masyarakat umum yang berminat.

➤ YURAN PENGAJIAN

- Peserta dari gerakan koperasi dikenakan yuran sebanyak RM1,440 untuk keseluruhan 6 semester atau RM240 untuk satu semester.
- Peserta dari bukan gerakan koperasi dikenakan yuran keseluruhan sebanyak RM3,530.

➤ JANGKA MASA PENGAJIAN

Program e-PJJ ini menggunakan sistem trimester (3 semester untuk 1 tahun akademik) yang memerlukan pelajar untuk sekurang-kurangnya menjalani pengajian selama satu tahun lapan bulan hingga dua tahun.

PERTANYAAN

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Urus setia,
Program Sijil Pengurusan Koperasi e-PJJ,
Maktab Koperasi Malaysia
Pusat Antarabangsa dan Pendidikan Tinggi,
No. 21, Jalan Selangor, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
Tel: **03 - 7952 4500** Faks: **03 - 7955 0863**
E-mel: antarabangsa@mkm.edu.my

SEPENUH MASA Diploma Pengurusan Koperasi



Pengambilan
JUN
Setiap Tahun

RM4,500

Yuran Pengajian
bagi 5 semester

**Kemudahan
asrama**

Disediakan dengan kadar
bayaran ditetapkan.

Pembiayaan

Skim Pinjaman Pendidikan-i
MKM, Yayasan Negeri, Bank
Rakyat, dan lain-lain.

► OBJEKTIF PROGRAM

- Untuk memantapkan kefahaman mengenai koperasi dari segi konsep, falsafah, prinsip dan perundangan.
- Untuk melengkapkan pelajar dengan teknik-teknik dan kemahiran pengurusan koperasi khususnya dari segi pembentukan dan pelaksanaan strategi-strategi perniagaan dengan berteraskan prinsip-prinsip dan perundangan koperasi.
- Untuk membolehkan pelajar meningkatkan kemahiran menganalisis dan membuat keputusan di dalam perancangan dan pengurusan organisasi.

► JANGKA MASA PENGAJIAN

2 ½ Tahun (5 Semester)

► KUMPULAN SASARAN

- Pemimpin-pemimpin koperasi.
- Kakitangan pengurusan koperasi.
- Pegawai-pegawai dari Jabatan/Agensi yang mengawasi koperasi.
- Pegawai-pegawai dari Jabatan/mana-mana agensi kerajaan atau swasta.
- Lulusan SPM/STPM.

► KELAYAKAN MASUK

- Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan sekurang-kurangnya 3 kredit (Bahasa Melayu, Matematik dan 1 mata pelajaran lain); atau
- Kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia.



TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 15 JUN Setiap Tahun

CARA MEMOHON

Permohonan boleh dibuat secara online melalui laman web MKM di alamat <http://www.mkm.edu.my>. Borang permohonan juga boleh dimuat turun dan dicetak.

PERTANYAAN

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Urus setia,
Diploma Pengurusan Koperasi,
Maktab Koperasi Malaysia Pusat Antarabangsa & Pendidikan Tinggi,
No. 21, Jalan Selangor, 46050 Petaling Jaya, Selangor,
Tel: **03-7952 4500** samb. **509, 512, 513**
Faks: **03-7955 0863**
E-mel: mkm@mkm.edu.my



BIDANG TUMPUAN

Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan Dengan Kepujian Pengurusan Koperasi (MKM-UUM)

Pengambilan
FEBRUARI
Setiap Tahun

**Kemudahan
asrama**

Disediakan dengan kadar
bayaran ditetapkan.

➤ KUMPULAN SASARAN

- Individu lepasan Matrikulasi, STPM, STAM, Diploma.
- Tenaga Kerja Pengurusan Koperasi dan anggota koperasi.
- Pegawai-pegawai jabatan/agensi kerajaan yang mengawal selia koperasi.
- Pegawai-pegawai jabatan/agensi kerajaan atau swasta.

➤ YURAN PENGAJIAN

- Pemimpin/tenaga kerja koperasi dan pegawai kerajaan yang menyelia koperasi, anggota dan anak anggota pergerakan koperasi : **RM6,645.00**
- Individu biasa : **RM17,205.00**
- Pelajar luar negara : **RM20,505.00**

➤ PEMBIAYAAN

- Pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).
- Lain-lain pinjaman – Yayasan Negeri, Bank Rakyat dan lain-lain.

➤ JANGKA MASA PENGAJIAN

Sepenuh masa: 3 tahun – 4 tahun @ 6 semester – 8 semester

CARA MEMOHON

Permohonan boleh dibuat dengan menggunakan borang permohonan juga boleh dimuat turun atau dicetak terus melalui laman web MKM iaitu <http://www.mkm.edu.my>

➤ KELAYAKAN KEMASUKAN AM

- Lulus SPM/setaraf dengan baik
- Kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia di peringkat SPM/setaraf atau kepujian Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia Kertas Julai dan
- Lulus mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat SPM/setaraf dan
- Lulus mata pelajaran Matematik/Matematik Tambahan/Prinsip Akaun Perdagangan di peringkat SPM/setaraf atau Matematik Kertas Julai dan
- Lulus STPM dan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan mendapat sekurang-kurangnya
 - a) Gred (NCMP 2.00) dalam mata pelajaran Pengajian Am dan
 - b) Gred (NCMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain atau
- Mendapat sekurang-kurangnya peringkat Jayyid dalam peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau
- Mempunyai kelayakan Diploma yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia dan Senat Universiti dengan kelayakan yang baik dan ada kaitan dengan program yang ditawarkan dan
- Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam Malaysia University English Test (MUET).

PERTANYAAN

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
Urus setia, Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan Dengan Kepujian (Bidang Tumpuan) Pengurusan Koperasi (MKM-UUM), Pusat Antarabangsa & Pendidikan Tinggi, Maktab Koperasi Malaysia, No.21, Jalan Selangor, Seksyen 6, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
No. Tel: **+603 - 7952 4500** No. Faks: **+603 - 7955 0863**
E-mel: antarabangsa@mkm.edu.my



Dengan I ngatan

Tulus Ikhlas

Daripada
Koperasi Serbausaha Makmur Berhad
(Koperasi perladangan kelapa sawit)

Maju Bersama Koperasi

Koperasi Serbausaha Makmur Berhad, B-8032 Jalan Telok Sisek
Sri Kuantan Square, 25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur
Telefon : **09-5177977/7980** , Telefax : **09-5137190**
Laman web : **www.kosma.com.my**



**ADAKAH ANDA
BERMINAT
MENJALANKAN
PERNIAGAAN
FRANCAIS
TETAPI
TIADA MODAL?**

**Terokai Perniagaan Francais dengan modal serendah
RM5,000.00 - RM50,000.00**

SKIM PEMBIAYAAN KECIL FRANCAIS

- **Pembiayaan dari RM 5,000.00 - RM 50,000.00***
- **Tempoh Pembayaran Sehingga 5 Tahun***
- **Yuran Perkhidmatan Sebanyak 3% Sahaja***
- **90% Margin Pembiayaan***

*Tertakluk pada terma dan syarat

**BERKUATKUASA MULAI
1 JUN 2012 SEHINGGA 31 DISEMBER 2012**



**SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA**

PAKEJ INSENTIF PENDAFTARAN & PEMBAHARUAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN SSM 2012

**DAFTAR &
PERBAHARUI
PENDAFTARAN PERNIAGAAN
ANDA DENGAN HANYA
RM50
UNTUK TEMPOH
5 TAHUN**

**50%
PENGURANGAN
KOMPAN
LEWAT MENDAFTAR
& MEMPERBAHARUI
PENDAFTARAN PERNIAGAAN**

PENDAFTARAN & PEMBAHARUAN BOLEH DILAKUKAN:

-  **MELALUI PERKHIDMATAN e-LODGE MENT SSM**  (TANPA KOMPAUN)
-  **KAUNTER BANK SIMPANAN NASIONAL**  (PEMBAHARUAN SAHAJA & TANPA KOMPAUN)
-  **KAUNTER SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

 **03 2299 5500**

 **enquiry@ssm.com.my**

 **www.ssm.com.my**

